

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**SEMPENA
PELANCARAN KEMPEN TANDAS BERSIH MPSP 2012**

**7 APRIL 2012 (SABTU)
DI SUNWAY CARNIVAL MALL SEBERANG JAYA**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan
dan Pengurusan Lalulintas

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Yang Dihormati Encik Chow Heng Wah sebagai pemaju

Centre Manager, Sunway Carnival Shopping Mall

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum wbth dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas yang telah melapangkan masa untuk hadir bagi menyempurnakan Pelancaran Kempen Tandas Bersih MPSP 2012 pada pagi yang mulia ini. Terima kasih kepada En. Chow Heng Wah kerana bersetuju dan berkerjasama dengan MPSP dalam menyahut cabaran Tandas Bersih ini.

Yang Berhormat , Tuan-tuan dan Puan-puan, Para Hadirin Sekalian,

Isu kebersihan tandas awam merupakan perkara yang serius yang perlu kita ambil berat. Kebersihan merupakan lambang keperibadian seseorang serta imej sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, MPSP telah dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kebersihan awam dan persekitaran termasuklah kebersihan tandas awam. Tandas yang bersih untuk kegunaan awam, seperti di restoran, kedai makan, supermarket, stesyen minyak dan sebagainya akan menarik lebih ramai pelanggan, dan itu adalah baik untuk perniagaan kerana pelanggan akan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan untuk mereka. Kebersihan tandas akan membuatkan pelanggan lebih selesa dan sudah pastinya mereka akan mengunjungi semula ke tempat kita.

Kempen Tandas Bersih adalah selaras dengan Visi MPSP iaitu "Menjadikan Seberang Perai sebuah tempat yang Bersih, Indah dan Selesa untuk didiami, bekerja dan kompetitif untuk pelaburan" Ianya juga sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Pulau

Pinang Lebih Bersih Hijau atau dalam Bahasa Inggeris "Cleaner Greener and Healthy Penang" seiring ke arah pencapaian Pulau Pinang Bandar bertaraf antarabangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Para Hadirin Sekalian,

Suka saya maklumkan di sini bahawa, MPSP juga telah mewujudkan tujuh (7) Fokus bagi tahun 2012 ini dan perkara pertama yang diterapkan ialah "Pembersihan dan Kehijauan" kawasan Seberang Perai. Kempen kebersihan premis makanan dan tandas merupakan salah satu program MPSP bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan indah.

Sehubungan itu, MPSP telah menggariskan aktiviti utama dalam meningkatkan kebersihan awam terutamanya tandas awam dengan menganjurkan :

- 1) *Star Rating* tandas di restoran, kompleks makanan, pasar awam, stesyen minyak, pasaraya dan sekolah yang dijalankan sepanjang tahun
- 2) Pertandingan Tandas Bersih MPSP 2012 mengikut kategori yang bermula 9 Mac sehingga 15 Jun 2012
- 3) Pameran di pasaraya bagi menimbulkan kesedaran awam seperti mana pada hari ini yang melibatkan beberapa agensi kerajaan dan juga swasta.

Untuk makluman semua, pameran ini juga akan diadakan di pasaraya-pasaraya lain sepertimana yang telah diatur dengan pihak pasaraya serta aktiviti yang berbentuk kesedaran penjagaan tandas.

Pasaraya yang mengambil bahagian dalam Kempen Tandas Bersih 2012 adalah seperti berikut :

BIL.	PASARAYA	TARIKH CADANGAN PAMERAN
1	Sunway Carnival Mall	7/4/2012 & 8/04/2012
2	Carrefour Seberang Jaya	21/04/2012 & 22/04/2012
3	Aeon Seberang Perai City Shopping Centre	5/5/2012 & 6/05/2012
4	Giant Hypermarket Prima Prai	19/05/2012 & 20/05/2012
5	Tesco Extra Seberang Jaya	2/6/2012 & 3/06/2012
6	Tesco Bukit Mertajam	16/06/2012 & 17/06/2012
7	The Summit Bukit Mertajam	30/06/2012 & 1/07/2012
8	Carrefour Bukit Minyak	14/07/2012 & 15/07/2012
9	Megamall Penang	28/07/2012 & 29/07/2012

Tuan-tuan dan Puan-puan, Para Hadirin Sekalian,

Usaha meningkatkan kebersihan dan kesedaran orang awam dilakukan secara berterusan oleh MPSP dengan harapan membudayakan amalan kebersihan. Pihak MPSP juga sedar masalah memelihara kebersihan tandas merupakan satu cabaran kerana ianya melibatkan rekabentuk tandas, sistem pengurusan, teknologi dan kelengkapan yang digunakan dalam sistem penyelenggaraan.

Oleh yang demikian, pertandingan tandas bersih ini di adakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada pemilik dan operator tandas awam dalam usaha mereka mewujudkan model tandas bersih sebagai contoh kepada tandas lain. Pengiktirafan satu bintang hingga lima bintang diberikan berdasarkan penilaian yang menitikberatkan aspek seperti :

- 1) Aspek Struktur Bangunan
- 2) Aspek Sanitari
- 3) Aspek keselesaan
- 4) Aspek Penyelenggaraan
- 5) Aspek Bonus (termasuk kemudahan OKU)

Penghargaan kepada pemenang akan diumumkan di peringkat negeri sempena Sambutan Hari Tandas Sedunia 2012.

Orang awam juga diseru agar sama-sama menjaga kebersihan tandas sebagai tanda terima kasih demi kepentingan orang lain juga.

Terdapat 5 Aktiviti yang akan diadakan sempena Kempen Tandas Bersih 2012 seperti berikut :

1. Memberi sijil “Star Rating” kepada tandas bersih
2. Menganjurkan pertandingan tandas bersih mengikut kategori
3. Cadangan membina tandas contoh MPSP 5 ★ ★ ★ ★ ★
4. Pendidikan Kesihatan

1. **Memberi sijil “Star Rating” kepada tandas bersih**

- Tandas yang bersih akan diberi Sijil “Star Rating” (Bintang) seperti berikut :

BINTANG	MARKAH
5	➤ 90
4	81% - 90%
3	71% - 80%
2	61% - 70%
1	51% - 60%
0	< 50

Tuan-tuan dan Puan-puan, Para Hadirin Sekalian,

Espektasi kempen ini adalah untuk mewujudkan kawasan Seberang Perai sebagai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami disamping membudayakan mentaliti atau etika orang awam tentang tandas serta menghindari vandalisma bermula dari kanak-kanak. Selain daripada itu, MPSP juga turut menganjurkan pertandingan mewarna kanak-kanak yang akan berlangsung di paras Lower Ground Sunway Carnival selepas acara pelancaran ini, yang bertujuan memberi pendidikan serta kesedaran awam khasnya kepada kanak-kanak dan ibubapa yang terlibat tentang kebersihan dan keceriaan tandas.

Sejajar dengan konsep ” *community engagement* ” MPSP juga telah membuka ruang dan peluang kepada orang awam untuk memberi pendapat serta maklumbalas mengenai tandas awam di Seberang Perai. Tuan-tuan dan puan-puan, bolehlah berkunjung ke kaunter MPSP yang disediakan berdekatan dengan pintu masuk, tingkat bawah (*Ground Floor*) dengan mengisi borang maklumbalas yang telah disediakan.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Para Hadirin Sekalian,

Diharap pendekatan yang diambil oleh MPSP dapat mengubah persepsi masyarakat awam mengenai kepentingan penjagaan tandas awam secara bersama. Rasa tanggungjawab serta pemikiran yang baik insyallah akan mendapat manfaat serta keselesaan kita bersama.

Di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang bekerja keras bagi menjayakan kempen ini. Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Sunway Carnival yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan kempen tandas ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Setakat ini MPSP belum mengeluarkan sebarang kompaun khusus untuk tandas. Walaubagaimanapun notis dikeluarkan sekiranya didapati sesuatu premis itu kotor. Notis ini merupakan satu tindakan pendidikan.

2. **A) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974**

Seksyen 85(1), 85(2), 85(3), 85(4), 85(5) (Akta 133)

- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (MPSP) 1993.
- UUK Pengendali Makanan MPSP 1993
- UUK Kedai Makan & Kedai Kopi Tempatan Seberang Perai 1974

- B) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)**

(Seksyen 74 dan 75)

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

(Min RM 150.00 - RM 500.00

Maximum di bawah undang undang berikut)

- UUK Pengendali Makanan 4(2) Tidak Mengamalkan Kebersihan Persekitaran
- UUK Tandas Awam (MPSP) 1993- 3(d)
Mengotor/Lukis/Conteng/Cat Dinding atau sillings
- UUK Kedai Makan & Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974 - 89(h) Kekotoran Tandas/ Bilik Mandi
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
(74) Rumah, Bangunan atau Tanah dsb kotor
(75) Kuasa masuk & cuci rumah /Bangunan
82(5) Tidak Tunai Syarat Notis Menghapus Kacauganggu